

22 MAY 1999

Kesatuan-Mahathir

CUEPACS DAN MTUC SOKONG SARANAN MAHATHIR BAGI KERJASAMA ERAT

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Cuepacs dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Perpaduan di sini hari ini dan berikrar untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Kedua-dua pertubuhan itu dengan jumlah anggota melebihi 1.5 juta juga meyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi pemulihan ekonomi negara.

Kedua-dua pertubuhan itu bersetuju dengan saranan Dr Mahathir kepada pekerja untuk menjalin kerjasama rapat dengan majikan dan kerajaan.

Cuepacs dan MTUC menyampaikan ikrar itu beberapa jam selepas Dr Mahathir berucap pada perhimpunan berkenaan yang diadakan di Stadium Putra di Bukit Jalil, di sini sempena sambutan Hari Pekerja 1999.

Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam berkata mesej Dr Mahathir kepada para pekerja pada perhimpunan itu adalah "lantang dan jelas" sementara Presiden MTUC Zainal Rampak pula menyifatkan ucapan Perdana menteri sebagai amat memberangsangkan.

Dr Mahathir berkata kerjasama rapat antara pekerja, majikan dan kerajaan amatlah penting bagi mematahkan serangan oleh kapitalis baru yang cuba menguasai dunia.

Perdana Menteri berkata golongan kapitalis baru itu mendakwa mendisiplinkan kerajaan-kerajaan yang lemah dengan menentukan siapa yang harus memerintah selain menentukan dasar-dasar yang harus diikuti untuk kepentingan mereka.

"Kita harus bekerjasama bagi mempertahankan negara...ini yang paling penting. Apabila menghadapi masalah, kita harus bersatu tenaga...kerajaan, pekerja dan majikan bagi mempertahankan hak kita," kata Dr Mahathir.

Siva Subramaniam berkata: "Sebenarnya saranan ini direstui oleh pekerja, majikan dan kerajaan".

Beliau berkata sokongan dan kerjasama daripada kakitangan kerajaan adalah kukuh dan mantap.

Ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perhimpunan itu, Siva Subramaniam berkata Cuepacs telah mengarahkan anggota-anggotanya memberi sokongan dan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi kepada kerajaan.

Siva Subramaniam, yang juga setiausaha agung Kesatuan Kebangsaan Perkhidmatan Perguruan (NUTP) berkata guru juga akan memberi sokongan dan kesetiaan kepada kerajaan dan profesion mereka.

"Jangan memperalatkan pelajar untuk kepentingan perbadi semata-mata kerana tidak bersetuju dengan kerajaan," kata beliau.

Beliau berkata apa-apa masalah yang timbul hendaklah diselesaikan melalui "saluran yang ada" dan bukan melalui cara yang menyalahi undang-undang.

Sementara itu, Zainal berkata MTUC menyambut baik saranan Dr Mahathir supaya pekerja bekerjasama dengan majikan dan kerajaan bagi mengatasi masalah ekonomi.

Beliau berkata MTUC akan memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan bagi memastikan ketiga-tiga pihak memperoleh faedah.

Pada perhimpunan itu, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek yang juga pengerusi Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) berkata majlis bersetuju supaya pekerja dan majikan di seluruh negara memberi sokongan padu kepada kerajaan di bawah Dr Mahathir.

Beliau berkata pertubuhan itu bersetuju untuk menyokong kerajaan bagi

mengambil langkah-langkah ke arah pemulihan ekonomi negara.

-- BERNAMA

ES FAZ